

Perkembangan Ilmu Munasabah dan Sumbangannya pada Konsep Kesatuan Tema al-Qur'an

Muhamad Syaari bin Ab Rahman¹ & Wan Nasrudin Wan Abdullah²

Email: ¹rijal82@gmail.com, ²tokwed@ukm.edu.my

¹Calon Sarjana di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

²Pensyarah di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

Abstrak

Ilmu Munasabah ialah salah satu ilmu penting dalam pentafsiran al-Qur'an. Artikel ini bertujuan menganalisis sejarah perkembangan ilmu Munasabah sejak awal kemunculannya sehingga menjadi satu cabang ilmu yang sistematik dalam pentafsiran al-Qur'an pada waktu ini. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian secara analisis kandungan. Data dikumpul melalui analisis kandungan terhadap karya-karya Ulum al-Qur'an, kitab-kitab tafsir yang mengaplikasikan ilmu Munasabah dan kajian-kajian semasa para sarjana berkenaan dengan ilmu Munasabah. Selanjutnya, data yang diperoleh ini dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian mendapati ilmu Munasabah telah mengalami proses perkembangan dan pematangan sehingga mencetuskan ilmu kesatuan tema surah dan kesatuan tema al-Qur'an itu sendiri. Implikasi kajian menunjukkan pentingnya kefahaman terhadap ilmu Munasabah ini agar para pentafsir al-Quran dapat memberikan kefahaman yang komprehensif kepada satu-satu nas al-Qur'an dan membuktikan bahawa al-Qur'an adalah kalam Allah S.W.T yang sempurna tanpa sedikitpun kecatatan.

Kata Kunci: *Ilmu Munasabah, Pentafsiran al-Quran, Kesatuan Tema al-Quran*

The Development of 'Munasabah' Knowledge and its Contributions in the Concept of Unity Theme of al-Quran

Abstract

In the Quran exegesis field, the study of "Munasabah" or the organic unity of the Quran is highly imperative. The purpose of this article is to analyse the historical development of Quran organic unity field of study, from its inception until now where it has become a systematic branch of knowledge in Quran interpretation. The qualitative research presented in this article adopts a framework based on content analysis. Data is gathered by analysing content on publications pertaining to sciences of the Quran (Ulum Quran), Quran exegesis writings that specifically highlighted and applied textual relations, as well as recent scholarly works on this subject. Data gathered is further analysed descriptively. Research output shows that the field of Munasabah had undergone a period of profound development and maturity which led to scholarly works on thematic structure of surah and unity of themes in the Quran. This research demonstrates the importance of understanding "Munasabah" as a critical branch of knowledge. Through it, Quran exegesis scholars will be able to provide a more comprehensive understanding of Quranic texts, and enable them to prove that Quran is indeed the perfect speech of Allah SWT, free of any deficiency.

Keywords: *Study of Munasabah, Quranic Interpretation, Theme in the Quran*

1. Pengenalan

Ilmu Munasabah dan kesatuan tema surah (الوحدة الموضوعية للسورة القرآنية) sangat penting untuk membuktikan kemukjizatan al-Qur'an sebagai kalam Allah SWT yang sempurna tanpa kecatatan. Kegagalan orang-orang Arab Quraisy semasa hidup Rasulullah SAW mencipta satu surah paling pendek sekalipun membuktikan wujudnya unsur *i'jaz* al-Qur'an. Seperti yang diungkapkan Prof. Muhammad Abdullah Darraz (2017), ketidakberdayaan sepenuhnya dalam menyerupai serta mencuba-cuba menciptakan sesuatu mukjizat adalah bukti bahawa ia bukanlah ciptaan manusia. Ia adalah sifat semulajadi kejadian yang menjadi mutlak milik bagi Tuhan. Salah satunya aspek kemukjizatan al-Qur'an adalah kesatuan tema surah meskipun pada surah terpendek seperti al-Kauthar dan al-'Asr (Fathi Jumu'ah Ahmad 2010).

Bukan mudah untuk menemui kesatuan tema surah ini jika tidak melalui proses tadabbur yang teliti (Israr Ahmad Khan 2003). Ia bukanlah suatu yang mudah sebagaimana yang disangka oleh mereka yang

tidak mampu menilai kehalusan seni sastra dengan baik, bahkan ia adalah tugas yang sukar sehingga memerlukan kemahiran, kecekapan serta kehalusan jiwa dalam menentukan posisi terbaik bagi setiap bahagian ayatnya, bahagian manakah perlu dijadikan tema utama dan bahagian mana dianggap pelengkap, dan manakah yang wajar dianggap kesimpulan. Kemudian harus ditentukan pula pendekatan terbaik bagi mengadunkan kesemuanya. Sisi awalan, akhiran, serta bahagian tengahnya perlulah diselias agar sentiasa berhubungan dengan tujuannya dan tujuan itu juga mestilah berkait dengan setiap bahagiannya (Darraz 2017).

Justeru, tidak mustahillah aspek kesatuan tema surah ini ditemui selepas kajian kepada al-Qur'an telah memakan masa yang lama sejak dari era para ulama menghasilkan banyak karya-karya tafsir yang menghubungkan setiap ayat-ayat al-Qur'an dengan ayat-ayat sebelumnya dan selepasnya (Nouman Ali Khan 2016). Namun demikian, tidak ramai mengetahui siapakah tokoh-tokoh dalam ilmu ini dan bagaimana berlakunya perkembangan dan pematangan ilmu ini dari zaman ke zaman. Oleh yang demikian, kajian ini akan menjelaskan mengenai siapa dan apakah peranan mereka dalam pengembangan ilmu Munasabah sehingga berlakunya transformasi dan legasi besar dalam dunia tafsir iaitulah ilmu kesatuan tema surah.

2. Pengertian Ilmu Munasabah

Pintu masuk kepada pengetahuan mengenai adanya kesatuan tema bagi setiap surah adalah ilmu Munasabah. Dari sudut bahasa, kata munasabah bererti perpadanan, kedekatan, perhubungan, pertalian, pertautan, persesuaian, keserasian dan kepatutan. Kata munasabah bersinonim dengan kata *musyakalah* (keserupaan) dan *muqarabah* (kedekatan). Oleh sebab itulah, ungkapan *fulanun yunasibu fulanin* (فلان يناسب فلان) bermakna si fulan itu mirip dengan fulan yang lain; dua orang bersaudara itu disebut satu *nasib* (نسيب : keturunan) kerana keduanya kelihatan serupa dengan seorang lagi (al-Suyuthi 2006)

Dari sudut istilah pula, ilmu Munasabah didefinisikan sebagai ilmu mengenai hubungan atau keterikatan antara satu kalimat dengan kalimat dalam satu ayat, atau antara satu ayat dengan satu ayat dalam serangkaian ayat-ayat al-Qur'an, atau antara satu surah dengan satu surah. Ia bertujuan menjadikan setiap unsur berkenaan berkaitan antara satu sama lain. Dengan demikian, hubungannya akan menjadi kukuh seperti susunan bangunan yang kukuh dan saling mengharmonikan antara bahagian-bahagiannya (Manna' Qathan 2011)

Ilmu Munasabah adalah ilmu mengenai rahsia-rahsia di sebalik hubungan antara ayat dengan ayat, kumpulan ayat dengan kumpulan ayat atau surah dengan surah menerusi hujah-hujah yang kukuh dan dapat diterima akal. Mustafa Muslim (2005) dan Fadhl Hasan Abbas (2007) menjelaskan kepentingan ilmu Munasabah dalam pentafsiran al-Qur'an kerana ia bertitik tolak dari kesepakatan para ulama bahawa susunan ayat dan susunan surah dalam al-Qur'an adalah perkara *tauqifi* dari Allah SWT.

Kesatuan tema surah pula didefinisikan sebagai ilmu mengenai hubungan antara ayat-ayat dari awal hingga akhir sehingga kelihatan setiap bahagian-bahagian dalam surah saling menyatu dan tidak boleh dipisahkan seperti kesatuan tubuh manusia dengan segala organ dan anggota yang menjalankan fungsi masing-masing (Amir Faisol Fath 2010)

Ilmu Munasabah membahaskan hubungan antara bahagian-bahagian dalam surah secara partial dengan tidak terikat dengan kesatuan makna dan tema. Manakala kesatuan tema surah membahaskan hubungan yang utuh dan saling mengikat pada satu makna dan satu tema antara kesemua bahagian-bahagian dalam surah dan al-Qur'an itu sendiri (Mohamad Nur Fuad 2008). Kesatuan tema surah diperumpamakan seperti sebatang pokok yang tinggi dedaunannya, ranting-rantingnya dan buah-buahannya. Setinggi mana pun daun, ranting dan buah itu, ia tetap berpunca dari akar pokok yang satu (Abdul Rahman Habannakah 2012). Satu kenyataan yang tidak dapat dimungkiri adalah bahawa setiap manusia ketika membaca surah tertentu dari al-Qur'an, maka ia akan merasa satu keadaan seperti sedang berada dalam sebuah taman yang indah. Dia akan menemui berbagai jenis tanaman dengan aneka warna bunga-bunga dan bentuk yang pelbagai. Sekalipun demikian, dia tetap mendapati semua yang terdapat dalam taman tersebut sangat serasi dan harmoni sehingga memancarkan keindahan yang menakjubkan, tiada kejanggalan dan ketidaksesuaian antara tumbuhan dan bebunga yang berbeza-beza berkenaan (Muhammad Mahmud Hijazi 2010)

3. Ilmu Munasabah pada Era Salaf al-Soleh

Fasa perkembangan ilmu Munasabah itu boleh dibahagikan kepada tiga fasa iaitu fasa salafus soleh atau generasi awal Islam, fasa selepas salafus soleh iaitulah dari abad ke 4 Hijrah hingga 13 hijrah dan fasa kontemporari iaitulah abad ke 14 hijrah hingga kini.

Ilmu munasabah sebenarnya sudah wujud dalam seni pertuturan dan pemikiran bangsa Arab sejak dari era Rasulullah SAW dan generasi pertama kaum Muslimin (Al-Biqae 1987). Ini dibuktikan pada tahun ke-10 Hijrah iaitu semasa baginda menunaikan haji dan menunjukkan kaedah-kaedah saie bermula dari bukit Safa dan berakhir di bukit Marwah. Dalam surah al-Baqarah, Allah SWT berfirman pada ayat 158 yang maksudnya : “*Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) ugama Allah*”. Maka, Rasulullah SAW bersabda : “*Aku mulakan dengan apa yang dimulakan Allah, maka Allah menyebut dahulu Safa.*” (hadis diriwayatkan oleh Jabit bin Abdullah dan direkodkan dalam Sahih Muslim no. 1218). Hadis ini menunjukkan Rasulullah SAW sendiri sudah memberi perhatian kepada apa yang didahulukan dan apa yang dikemudiankan dalam al-Quran (Bazmul 2002)

Bahkan, apabila Rasulullah SAW bersabda mengenai persamaan yang wujud antara surah al-Takwir, al-Infithar dan al-Insyiqaq iaitu surah yang menjelaskan mengenai kejadian Kiamat, hadis itu sudah jelas menunjukkan Rasulullah SAW bukan sekadar memberi perhatian kepada aspek munasabah, bahkan baginda sedang berbicara mengenai wujudnya kesatuan tema sesuatu surah (Amir Faisol Fath 2010). Rasulullah SAW bersabda : “*Barangsiapa yang ingin melihat Qiamat sehingga seolah-olah dibentangkan di hadapan matanya sendiri, maka bacalah Iza al-Syamsu Kuwwirat, wa Iza al-Sama' unfatharat, wa Iza al-Sama' Unshaqqat.*” (Hadis sahih direkodkan oleh Imam Ahmad, al-Tirmidzi dan al-Hakim dari Ibnu Umar r.a.)

Ibn Mas'ud r.a (wafat 32 H) pula berkata : “*Apabila seseorang sahabatmu bertanya kepadamu mengenai bagaimana membaca suatu ayat, maka hendaklah tanyakan sahabatmu itu terlebih dahulu mengenai (bacaan) ayat sebelumnya.*” Muslim bin Yasar (wafat 100 H) pula berkata : “*Apabila engkau berkata sesuatu mengenai (ayat-ayat) Allah, maka hendaklah engkau berhenti seketika sebelum berkata mengenai (ayat) seterusnya melainkan selepas engkau melihat apa (ayat) sebelumnya dan apa (ayat) selepasnya*”.

Al-Asmu'ie (wafat 216 H) pula berkata : “*Ketika aku membaca surah al-Maidah (ayat 38), bersama denganku seorang Arab. Aku membaca ayat berikut : (وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءَ بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ), lalu aku membaca (وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ), kemudian aku ditegur oleh Arab tersebut. Lalu aku membaca (وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ), maka berkatalah Arab itu : “Sekarang engkau telah betul.” Lalu aku bertanya : “Bagaimana engkau mengetahuinya ?” Lalu jawabnya : “Bukankah ayat ini mengenai potong tangan ? Jika Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih, mana mungkin Dia memerintahkan potong tangan.” (Al-Razi 2015)*

4. Ilmu Munasabah selepas Generasi Salaf

Aplikasi ilmu Munasabah mula berlaku dengan aktif dalam karya-karya tafsir mulai abad ke-4 Hijrah (Hasani Ahmad Said 2015). Pada waktu ini, ilmu Munasabah telah muncul sebagai sebuah disiplin ilmu yang khusus, namun ia belum dinamakan dengan nama ilmu Munasabah. Nama yang dikenali pada peringkat awal kelahirannya ini adalah hubungan ayat-ayat (ارتباط الآي) atau tertib ayat-ayat (ترتيب الآي).

Al-Syahrabani (wafat 672 H) menyatakan bahawa individu pertama mencetuskan ilmu Munasabah ialah Abu Bakar al-Naisabury (wafat 324 H) di Baghdad. Namun demikian, beliau tidak meninggalkan sebarang kitab mengenai ilmu ini. Ada pula yang berpandangan individu pertama yang melahirkan ilmu Munasabah adalah Abu Bakar ibn Al-'Arabi (wafat 543 H) yang menghasilkan kitab bertajuk “*Tartib Ayy al-Qur'an*”. (Al-Zarkasyi 2006).

Pada kurun ke 5 hingga 6 Hijrah, para ulama selepas era salaf yang memberikan perhatian pada ilmu Munasabah dalam karya-karya mereka adalah Abu Bakr Muhammad al-Baqillani (wafat 403 H) menerusi kitabnya *I'jaz al-Qur'an*. (Iqbal Wafi Najm 2009). Dalam kitab ini, beliau sudah berbicara mengenai *Nazm al-Qur'an*. Al-Jurjani (wafat 471 H) mendefinisikan *Nazm* sebagai keterkaitan antara satu perkataan dengan perkataan yang lain. Ia tiada kaitan dengan struktur kalimah dan bukan juga bahasa yang puitis seperti berlaku pada sajak dan syair. Al-Baqillani berkata : “*Lihatlah dengan kedalaman pemikiranmu, ketika kamu meneliti kalimah demi kalimah yang tersusun rapi, kisah-kisahannya, surah-surahnya, bahkan ketika meneliti al-Qur'an dengan susunannya, maka yang akan ditemukan adalah al-Qur'an yang komprehensif.*” Pandangan menyeluruh al-Baqillani terhadap al-Qur'an ini sangat menakjubkan jika mengambil kira zaman beliau hidup yang perbahasan al-Qur'an lebih kepada aspek sastera dan balaghah. (Siti Mulazamah 2014)

Penekanan kepada *Nazm* ini mula dikembangkan pada kurun ini oleh enam orang lagi ulama iaitulah Al-Khatib al-Iskafi (wafat 420 H) menerusi kitabnya *Durrah al-Tanzil wa Ghirrah al-Ta'wil*, Al-Syekh al-Thusi (wafat 460 H) menerusi kitab *al-Tibyan fi Ulum al-Qur'an*, Mahmud bin Hamzah al-Karmani (wafat 500 H) menerusi kitab *Ghara'ib al-Tafsir wa 'Ajaib al-Ta'wil* dan kitab *al-Burhan fi Taujih Mutasyabih al-Qur'an Lamma Fih Min al-Hujjati wa al-Bayan*, Abu Al-Qasim Al-Zamakhshary (wafat 538 H) menerusi

kitab *al-Kashshaf 'an Haqaiq al-Tanzil wa Ghawamidh al-Ta'wil*, Abu Bakar ibn al-'Arabi (wafat 543 H) menerusi kitab *Tartib Ayy al-Qur'an* dan *Siraj al-Muridin* dan al-Imam Fakhr al-Din al-Razi (wafat 606 H) menerusi *Al-Tafsir al-Kabir* atau *Mafatih al-Ghayb*.

Al-Razi yang merupakan mufassir yang paling konsisten menghuraikan munasabah keseluruhan ayat berpandangan bahawa sebahagian besar keindahan al-Qur'an terletak pada keterikatan antara susunan ayat dan susunan surahnya (Bazmul 2002). Pelbagai jenis munasabah didapati wujud dalam tafsirnya iaitu munasabah antara nama surah, munasabah antara bahagian awal surah dan akhir surah sebelumnya, munasabah antara ayat dengan ayat berhampiran, munasabah kelompok ayat dengan kelompok ayat sebelumnya, munasabah antara pembukaan surah (*fawatih al-suwar*) dengan isi kandungan al-Quran itu sendiri (Endad Musaddad 2005).

Pada kurun ke 7 dan ke 8 Hijrah pula menyaksikan kemunculan para ulama seperti Ibn Al-Zubair al-Gharnathi (wafat 708 H). Ulama besar dari Granada ini menulis secara khusus mengenai ilmu Munasabah ayat dan surah menerusi kitab *al-Burhan fi Tanasub Suwar al-Qur'an* dan *Malak al-Ta'wil*. Kemudian disusuli Abu Hayyan al-Andalusi (wafat 745 H) menerusi tafsirnya *al-Bahr al-Muhith*. Abu Hayyan telah bekerja keras untuk membuktikan adanya kesatuan al-Qur'an dan beliau meyakini setiap huruf, perkataan, ayat dan surah telah berada pada posisi yang tepat (Amir Faisol Fath 2010). Al-'Allamah Badaruddin al-Zarkasyi (wafat 794 H) pula memuatkan bab khusus mengenai munasabah ayat dan munasabah surah menerusi karya agungnya, *al-Burhan fi Ulum al-Qur'an*.

Pada kurun ke 9 dan 10 Hijrah pula, munculnya Al-Fairuz Abadi (wafat 817 H) menerusi kitabnya *Basair zawi al-Tamyiz fi Lathaif al-Kitab al-'Aziz*. Beliau membahaskan kepentingan munasabah ayat ketika menemui nas-nas atau kalimah-kalimah al-Qur'an yang berulang-ulang. Kemudian disusuli Al-Imam Burhanuddin al-Biqae (wafat 885 H) yang diiktiraf paling terkehadapan dalam mengemukakan munasabah ayat dan munasabah surah pada kesemua surah-surah dalam al-Qur'an. Al-Biqae menerusi karya tafsirnya *Nazhm al-Durar fi Tanasub al-Ayat wa al-Suwar* mengakui beliau banyak mengambil manfaat dari kitab para ulama sebelumnya iaitu al-Harrali, Ibn al-Naqib dan al-Gharnathi. Berbeza dari para ulama sebelumnya, al-Biqae turut sama menjelaskan rahsia penamaan surah dengan keyakinannya bahawa nama surah adalah petunjuk utama pada apa yang mahu dijelaskan dengan terperinci dalam surah berkenaan (Mashyur Musa 2001, Bazmul 2002). Dalam perkataan lain, al-Biqae sudah mula memajukan ilmu Munasabah ayat kepada ilmu kesatuan tema surah itu sendiri.

Al-Imam al-Suyuti (wafat 911 H) pula menghasilkan banyak karya membahaskan secara khusus mengenai ilmu Munasabah. Beliau mewujudkan bab khas mengenainya dalam kitabnya, *al-Itqan fi Ulum al-Qur'an* dan *Mu'tarik al-Aqran fi I'jaz al-Qur'ani*. Beliau menulis secara khusus mengenai munasabah antara surah menerusi kitab *Tanasuq al-Durar fi Tanasub al-Suwar* dan munasabah antara pembuka dan penutup surah menerusi kitab *Marasid al-Mathali' fi Tanasub al-Maqathi' wa al-Mathali'*, *Asrar al-Tanzil* dan *Qathf al-Azhar fi Kasyf al-Asrar*. Kemudian disusuli Al-Imam Abu Su'ud (wafat 982 H) dari era Turki Othmaniyyah turut sama memperkaya khazanah munasabah ayat menerusi tafsirnya *Irsyad al-Aql al-Salim ila Mizaya al-Quran al-Karim*.

Pada kurun ke 11 hingga 13 hijrah, para ulama yang turut mengembangkan ilmu Munasabah adalah Al-Allamah Syihabuddin Al-Alusi (wafat 1270 H) menerusi tafsirnya *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azhim wa al-Sab'i al-Mathani*, sebuah kitab tafsir yang komprehensif pada membahas kesatuan al-Qur'an serta munasabah antara ayat-ayatnya dan surah-surahnya (Amir Faisol Fath 2010).

5. Ilmu Munasabah dan Kesatuan Tema Surah di Era Moden

Para ulama kurun ke 14 Hijrah yang terus memantapkan ilmu Munasabah Al-Qur'an adalah seperti Abdul Hamid al-Farahi (wafat 1349 H / 1930 M) menerusi kitabnya *Dala'il al-Nizam*. Al-Farahi sangat terkehadapan dalam karya tafsirnya ini ketika berbicara mengenai kesatuan tema surah, keunikan setiap surah dan hubungan yang rapat antara satu surah dengan satu surah. Menerusi karya tafsirnya bertajuk *Tafsir Nizam al-Qur'an wa Ta'wil al-Furqan bi al-Furqan*, beliau memulakan tafsir tiga belas surah pilihannya iaitulah al-Fatihah, al-Dzariyat, al-Tahrim, al-Qiyamah, al-Mursalat, 'Abasa, al-Syams, al-Tin, al-'Asr, al-Fil, al-Kauthar, al-Kafirun dan al-Lahab dengan menyebut terlebih dahulu kesatuan tema surah yang beliau menamakannya sebagai 'amud (Al-Farahi 2008). Meskipun beliau mendatangkan perkataan *Nizam al-Qur'an*, namun ia mempunyai hubungan yang rapat ilmu Munasabah. Baginya, munasabah boleh berlaku antara ayat dengan ayat, namun *Nizam* lebih luas dari aspek hubungan kerana ia menyentuh ketelitian susunan dan kesatuan ucapan Allah dalam al-Qur'an dari awal hingga akhir (Taha Muhammad Faris 2011).

Jika ini yang dimaksudkan oleh beliau sebagai Nizam, maka al-Farahi sebenarnya sedang berbicara mengenai kesatuan tema surah itu sendiri.

Legasi al-Farahi dikembangkan oleh muridnya, Amin Ahsan Islahi (wafat 1997 M) kepada seluruh surah menerusi karya tafsirnya bertajuk *Tadabbur al-Quran*. Islahi meluaskan konsep 'Amud yang diperkenalkan gurunya, al-Farahi ketika menghuraikan hikmah kedudukan surah-surah Madaniah selepas surah-surah Makkiyah (Mustansir Mir 1986). Al-Imam Burhanuddin al-Biqā'ie dan Islahi berkongsi pandangan yang sama bahawa kefahaman kepada kesatuan tema surah akan membantu seseorang mengenalpasti hubungan yang wujud antara ayat-ayat di dalam surah berkenaan. Kedua-duanya juga menegaskan kepentingan proses berfikir yang panjang untuk mencari kaitan antara ayat khususnya surah-surah yang panjang lebar dengan pelbagai tema terdapat dalam surah berkenaan. Bahkan, Islahi dengan konsep *Nazm* al-Qur'an dianggap memperindah dan memperluas bangunan kesatuan al-Quran yang telah diasaskan oleh al-Biqā'ie (Israr Ahmad Khan 2003)

Kemudian disusuli oleh Muhammad Rasyid Redha (wafat 1935 M) menerusi kitab *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* atau *Tafsir al-Manar*. Rasyid Redha mula memperkatakan mengenai kesatuan tema surah al-Qur'an ketika gurunya, Muhammad Abduh (wafat 1905 M) lebih banyak berbicara mengenai Munasabah. 'Abdullah Mahmūd Syahātah dalam tesis kedoktorannya (1960) bertajuk *Manhaj al-Imam Muhammad 'Abduh fi Tafsir al-Qur'an al-Karīm* menyebutkan ada 9 prinsip yang menjadi landasan penafsiran 'Abduh. Yang pertama dan paling asas sekali adalah prinsip memandang setiap surah sebagai satu kesatuan ayat-ayat yang serasi dan padu hubungannya. Sebab itulah beliau akan mengelompokkan ayat-ayat berdasarkan tema tertentu dan kemudiannya menjelaskan hubungan (munasabah) dengan kelompok ayat sebelumnya (Andi Mappiaswan 2015)

Kemudian konsep kesatuan tema surah ini menerima sentuhan mengkagumkan dari Dr. Muhammad Abdullah Darraz (wafat 1958 M) menerusi kitabnya, *al-Naba' al-'Azim*. Beliau membuktikan wujudnya hubungan yang indah antara bahagian-bahagian yang kelihatan tidak berkaitan dalam surah terpanjang dalam al-Quran, al-Baqarah. Darraz berkata mengenai kesatuan tema surah surah dan mengapa beliau memilih surah al-Baqarah : "*Kita dapat melihat bagaimana para ahli sastera yang berpengalaman sekalipun tidak mampu untuk merangkumkan tema perbincangan yang pelbagai dalam satu hasil seni, bahkan pasti akan ditemui kesilapan atau keterpesongan dalam menyusun tema-tema tersebut sama ada pada keseluruhan atau pada sebahagian besar darinya. Apabila para penyair membawa satu bait syair dengan pelbagai mesej, mereka cenderung mendatangkannya dalam bentuk yang terpisah-pisah dan tidak saling berhubungan antara sebahagian dengan sebahagian yang lain. Jarang sekali mereka dapat mengendalikan perpindahan dari satu tema ke satu tema dengan mudah lagi tersusun. Sekiranya keunggulan seni sastera al-Qur'an pada potongan ayat-ayatnya telah menghadirkan kekaguman kita terhadapnya, sekalipun ia bertumpu hanya pada satu tema yang dengan sendirinya saling berkaitan, mari kita sama-sama perhatikan pula satu surah yang lengkap yang membabitkan pelbagai tema dan suasana penurunan pula berbeza-beza. Dari situlah kita akan dapat melihat wujudnya kesatuan topik serta ketekalan pendekatan yang menambah rasa kagum kita dan kita sememangnya tidak akan mampu menandingi al-Qur'an.*" (Darraz 2017)

Murid Darraz iaitu Muhammad al-Ghazali (wafat 1996 M) meneruskan idea Darraz ini kepada seluruh surah-surah al-Quran menerusi karyanya *Nahwu Tafsir Maudhu'ie*. Al-Ghazali berkata dalam muqaddimah beliau : "*Tujuan yang saya usahakan adalah membahas semua surah secara umum dari awal hingga akhir, menjelaskan kaitan-kaitan secara implisit yang wujud antaranya, membuat awalan surah sebagai pendahuluan kepada akhir surah dan akhir surah sebagai pembenaran untuk awalnya.*" Al-Ghazali memilih beberapa ayat dalam surah berkenaan untuk mendukung tema utamanya. (Wardah Nadhiroh 2014)

Al-Allamah Sayyid Qutb (wafat 1966 M) juga adalah tokoh pemikir dan mufassir yang mengembangkan idea kesatuan tema surah menerusi tafsirnya *Fi Zhilali al-Qur'an*. Beliau berkeyakinan bahawa setiap surah memiliki keistimewaannya yang tersendiri dan mempunyai tema utama yang disebut beliau sebagai *mihwar*. Kesatuan tema adalah tawaran metodologis dari beliau untuk membaca al-Qur'an dengan lebih komprehensif. Bahkan bagi beliau, kesatuan tema al-Quran adalah manifestasi kesempurnaan perjalanan alam di sekeliling kita (Siti Mulazamah 2014). Tafsir beliau merupakan kitab terpenting yang membuktikan adanya prinsip kesatuan tema al-Qur'an. Siapa pun yang menyelesaikan bacaan kitab ini, pasti akan timbul keyakinan yang sempurna bahawa al-Qur'an adalah kesatuan yang saling menguatkan (Al-Khalidi 2012)

Ibn 'Asyur (wafat 1973 M) pula menerusi tafsirnya *al-Tahrir wa al-Tanwir* sangat memberikan perhatian kepada tema umum surah dan hubungan-hubungan antara ayat-ayatnya. Abdul Rahman

Habannakah (wafat 1978 M) menerusi tafsirnya, *Ma'arij al-Tafakkur wa Daqaiq al-Tadabbur* menjadikan metodologi penulisan tafsirnya adalah menyatakan kesatuan tema surah terlebih dahulu meskipun tafsirnya disusun mengikut turutan penurunan dan bukannya turutan mushaf (Taha Muhammad Faris 2011). Bahkan baginya itulah salah satu dari kaedah-kaedah tadabbur al-Qur'an dan beliau menjadikannya sebagai kaedah kedua dari 40 kaedah tadabbur yang digagaskannya (Habannakah 2012).

Hal ini disusuli oleh Ibn al-Thabathaba'ie (wafat 1981 M) menerusi tafsirnya *al-Mizan* yang membahagikan setiap surah kepada bahagian-bahagian tertentu dan menjelaskan hubungan antara satu sama lain serta hubungan awal dan akhir surah. Bagi ulama besar Syiah ini, maksud dan tujuan utama setiap surah berbeza-beza. Setiap surah dipaparkan untuk menjelaskan makna tertentu serta tujuan yang khusus yang tidak sempurna surah itu melainkan ia mesti mencapai maksud dan tujuannya. Oleh kerana itulah Basmalah pada awal surah itu sendiri merujuk kepada tujuan khusus surah berkenaan (Quraisy Syihab 2017).

Said Hawa (wafat 1989 M) pula menerusi *al-Asas fi al-Tafsir* sangat mengambil berat mengenai kesatuan tema surah-surah al-Quran dengan menjadikan surah al-Baqarah itu sendiri sebagai batang tubuh utama al-Quran. Beliau membahagikan 114 surah kepada *Qism al-Thiwal*, *Qism al-Mi'in*, *Qism al-Mathani* dan *Qism al-Mufassal* (Imron Rosyaidi 2013).

Dr Wahbah al-Zuhayli (wafat 2015 M) pula menerusi kitab *al-Tafsir al-Munir* memuatkan bab khusus mengenai munasabah surah dengan surah sebelumnya dan kelompok ayat dengan kelompok ayat sebelumnya sebelum menghuraikan tafsir mana-mana surah. Beliau juga akan mentafsirkan al-Qur'an dengan menjelaskan tema utama dan merungkai petunjuk-petunjuk yang boleh dipetik dari surah tersebut bersesuaian dengan tema utamanya (Ummul Aiman 2012).

Di Nusantara, *Tafsir al-Misbah* karangan Prof Quraisy Syihab pula adalah satu-satunya tafsir Melayu yang mengangkat ilmu munasabah ayat dan surah kepada seluruh 114 surah dalam al-Qur'an. Beliau sangat terinspirasi dengan perbincangan Munasabah dari al-Imam Al-Biq'a'ie. Kenyataan-kenyataan mengenai Munasabah dalam tafsir ini kelihatannya menghuraikan sahaja apa yang telah ditemui oleh al-Biq'a'ie dan para ulama sebelumnya (Hasani Ahmad Said 2015). Dr Abdul Hayei bin Abdul Shukor dari Malaysia juga menghasilkan kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* yang mengangkat munasabah ayat dan munasabah surah sebagai metodologi penulisan tafsir ini. Tafsir yang diiktiraf JAKIM ini baru diterbitkan setakat 5 jilid sahaja iaitulah surah al-Baqarah hingga al-Nisa.

Pengkajian mengenai kesatuan tema al-Qur'an dan koherensi semakin giat dilakukan pada masa ini oleh beberapa pengkaji Muslim dan non-Muslim seperti Mustansir Mir, Neal Robinson, A.H. Mathias Zahniser, David E. Smith, Salwa M.S. El-Awa, Raymond K. Farrin menerusi kajiannya bertajuk "*Surah al-Baqarah : A Structural Analysis*", Michel Cuypers menerusi kajiannya bertajuk "*Semitic Retic as a Key to the Question of the Nazm of the Quranic Texts*" dan lain-lain lagi (Siti Mulazamah 2014). Kajian-kajian ini dibuat kerana tohmahan yang dilakukan oleh sarjana-sarjana Barat kepada al-Qur'an kononnya al-Qur'an tidak disusun mengikut tema-tema tertentu, tiada pula hubungan yang logik pada ayat-ayat dalam sesuatu surah khususnya ketika membentangkan kisah-kisah yang tidak disusun mengikut kronologi yang betul. Pada masa yang sama, para ulama klasik kebanyakannya memfokuskan tafsir mereka pada menghubungkan ayat dengan ayat sebelumnya dan tidak pada struktur surah secara keseluruhan dan surah itu sendiri sebagai satu kesatuan tema yang padu (Nouman Ali Khan 2016)

6. Kesimpulan

Ilmu Munasabah adalah ilmu yang mengalami perkembangan dan pematangan yang besar sama seperti ilmu-ilmu lain dalam Ulum al-Qur'an. Rahsia-rahsia yang wujud antara ayat dengan ayat, kumpulan ayat dengan kumpulan ayat dan surah dengan surah telah dikaji dengan mendalam oleh para ulama zaman berzaman meskipun ia mempunyai cabaran intelektual yang tersendiri. Kematangan ilmu Munasabah telah membuahkan ilmu kesatuan tema surah dan kesatuan tema al-Qur'an itu sendiri.

Pesatnya kajian mengenai ilmu kesatuan tema surah di kurun ke-14 Hijrah adalah hasil usaha gigih para ulama al-Qur'an dahulu dan terkemudian yang ingin melihat perspektif baru pada kemukjizatan al-Quran. Bukan mudah untuk menemui kesatuan tema surah ini jika tidak melalui proses tadabbur yang teliti. Justeru, tidak mustahillah aspek ini ditemui selepas kajian kepada al-Qur'an telah memakan masa yang lama sejak dari era al-Razi dan al-Biq'a'ie menghasilkan karya yang menghubungkan setiap ayat-ayat al-Qur'an sehinggalah percubaan menyatakan kesatuan tema surah seperti dilakukan Abdul Hamid al-Farahi dan Abdullah Darraz.

Sesungguhnya al-Quran adalah kalam Allah yang sangat tersusun kalimah, ayat, kumpulan ayat dan surah-surahnya. Semuanya mempunyai kaitan yang kukuh, hanya ianya berjaya ditemui oleh manusia atau sebaliknya. Maka, ilmu Munasabah dan kesatuan tema surah sangat perlu diberi perhatian oleh para sarjana al-Qur'an akhir-akhir ini untuk membantu masyarakat mempunyai kefahaman yang lebih komprehensif terhadap satu-satu ayat Allah sama ada ayat kisah, ayat hukum, ayat perumpamaan, ayat kauniyah dan lain-lain lagi. Dengan ilmu ini juga, beberapa salah faham dalam masyarakat Muslim terhadap satu ayat dapat diatasi dan tohmahan musuh-musuh Islam kepada al-Qur'an tidak tersusun dengan sistematik akan dapat dijawab. Wallahu a'lam.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Abbas, Fadhl Hassan. 2007. *Muhadharat fi 'Ulum al-Qur'an*. Amman: Dar al-Nafa'is

Ahmad, Fathi Jumu'ah. 2010. *al-Tafsir al-Maudu'i li al-Qur'an al-Karim ; Majalatuhi wa Manhajiyah al-Bahs Fih*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Aiman, Ummul. 2012. *Method Pentafsiran Wahbah Zuhayli : Kajian Ke Atas Tafsir al-Munir*. Aceh : IAIN Al-Raniry.

Al-Farahi, Abdul Hamid. 2008. *Tafsir Nizam al-Qur'an wa Ta'wil al-Furqan bi al-Furqan*. India : Dairah Hameedia Madrasatul Islah

Al-Khalidi, Solah Abdul Fattah. 2012. *Al-Manhaj al-Haraki fi Zhilal al-Qur'an*. Amman : Dar Ammar

Al-Razi, Fakhrudin Muhammad bin Umar. 2015. *Al-Tafsir al-Kabir aw Mafatih al-Ghayb*. Jilid ke 11. Kaheerah : Al-Maktabah Al-Taufiqiyah

Al-Suyuthi, Abdul Rahman bin Abi Bakr bin Muhammad Abu al-Fadhl. 2006. *Al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*. Kaheerah: Dar al-Hadith.

Al-Qathan, Manna'. 2011. *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tauzi'.

Al-Zarkasyi, Badruddin Muhammad bin Abdullah. 2006. *Al-Burhan fi Ulum al-Qur'an*. Mesir: Dar al-Hadith.

Bazmul, Muhammad bin Umar bin Salim. 2002. *Ilm al-Munasabat fil Suwar wa al-Ayat*. Makkah: Maktabah Makkiah.

Darraz, Muhammad Abdullah. 2016. *Al-Naba' al-Azim*. Kaheerah: Markaz Ibshar li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Faris, Taha Muhammad. 2011. *Tafasir al-Qur'an al-Karim Hasba Tartib al-Nuzul Dirasah wa Taqwim*. Amman: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr

Fath, Amir Faisol. 2010. "The Unity of Al-Quran." Jakarta : Pustaka al-Kauthar.

Fuad, Mohamad Nur. 2008. "Kesatuan Tema dalam Surah al-Qur'an Menurut Muhammad Abduh dalam Tafsir al-Manar". Jakarta : UIA Syarif Hidayatullah

Habannakah, Abdul Rahman. 2012. *Qawaid al-Tadabbur al-Amthal li Kitabillah Azza wa Jalla*. Dimasyq : Darul Qalam

Hijazi, Muhammad Mahmud. 2010. *Fenomena Keajaiban al-Qur'an ; Kesatuan Tema Dalam al-Qur'an*. Jakarta: Gema Insani.

Khan, Israr Ahmad. 2003. *Al-Biqae and Islahi ; A Comparative Study of Tafsir Methodology*. Gombak : International Islamic University Malaysia.

Khan, Nouman Ali. 2016. *Divine Speech ; Exploring The Quran As Literature*. Dallas : Bayyinah Institute.

Mappiaswan, Andi. 2015. *Pemikiran Sayyid Muhammad Rasyid Ridha Dalam Pengembangan Islam ; Suatu Tinjauan Historis*. Makasar : UIN Alauddin Makasar

Mir, Mustansir. 1986. *Coherence In The Quran : A Study of Islahi's Concept of Nazm in Tadabbur-I Quran*. Kuala Lumpur : Islamic Book Trust

Mulazamah, Siti. 2014. *Konsep Kesatuan Tema al-Qur'an Menurut Sayyid Qutb*. Jakarta : UIN Syarif Hidayatullah.

- Muslim, Mustafa. 2005. *Mabahith fi al-Tafsir al-Maudhu'i*. Dimasyq : Dar al-Qalam
- Musaddad, Endad. 2005. *Munasabah Dalam Tafsir Mafatih al-Ghayb*. Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Masyhur, Musa Masyhur Musyahirah. 2001. *Al-Tanasub al-Qurani 'inda al-Imam al-Biqaiie Dirasah Balaghiyah*. Universiti of Jordan
- Nadhiroh, Wardah. 2014. *Hermeneutika al-Qur'an Muhammad al-Ghazali : Telaah Metodologis atas Kitab Nahwa Tafsir Maudhu'i*. Banjarmasin : IAIN Antasari.
- Najm, Iqbal Wafi. 2009. *Al-Tanasub wa Dauruhu fi al-I'jaz al-Qur'ani*. Kufah: Wizarah al-Ta'lim al-Ilmi wa al-Bahth al-Ilmi
- Rosyaidi, Imron. 2013. *Methodologi Penafsiran Said Hawwa Dalam al-Asas fi al-Tafsir*. Surabaya : Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel
- Said, Hasani Ahmad. 2015. *Diskursus Munasabah Al-Quran Dalam Tafsir al-Misbah*. Jakarta : Penerbit Amzah.
- Syihab, Quraisy. 2015. *Tafsir al-Misbah ; Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an*. Jakarta : Lentera Hati.
- Subhani, Muhammad Inayatullah Asad Subhani. t.th. *Im'an al-Nazhar fi Nizham al-Ayy wa al-Suwar*. Dar Ammar.